

Headline	Operasi Autoville suku pertama 2016
MediaTitle	Berita Harian
Date	04 Dec 2015
Section	Ekonomi
Page No	B5
Language	Malay
Journalist	Suffian A Bakar
Frequency	Daily



Operasi Autoville suku pertama 2016

» *Potensi besar jadi hab bagi Cyberjaya masa depan*

Oleh Suffian A Bakar

Autoville, taman perindustrian ringan pertama di Cyberjaya yang dibangunkan pemaju hartanah Kumpulan Emkay akan beroperasi sepenuhnya pada suku pertama 2016, kata Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Emkay, Mazrita Mazlan.

“Autoville unik. Apabila beroperasi sepenuhnya, kami percaya ia memanfaatkan Cyberjaya dan kawasan sekitar seperti Putrajaya, Dengkil, Puchong dan Nilai.

“Sebagai satu-satunya pembangunan perindustrian ringan, ia berpotensi besar untuk menjadi hab bagi Cyberjaya pada masa depan,” katanya pada majlis pengenalan dan taklimat perkembangan terkini pembangunan Autoville di Cyberjaya, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Paradigma Intan Sdn Bhd, Ling Tick Lee.

Paradigma Intan adalah anak syarikat Kumpulan Emkay bertanggungjawab dalam membangunkan Autoville.

Mazrita berkata, Autoville dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM100 juta, merangkumi 40 unit komersial terdiri bangunan teres (10 unit); bangunan berkembar (14 unit); dan empat unit sesebuah.

Katanya, baki 12 unit adalah dalam bentuk bangunan setingkat yang mana ia tidak dijual, sebaliknya dikekalkan pemilikannya oleh Emkay bagi tujuan strategik.

Beliau berkata, sijil layak menduduki (CF) diterima pada 11 November lalu.

Antara perniagaan yang akan beroperasi di Autoville ialah yang berkaitan automotif seperti pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), spa kenderaan, tayar dan aksesori, manakala perniagaan bukan berkaitan automotif, antaranya, berkaitan minyak dan gas, perabot, pasar raya mini, makanan beku dan restoran.

Sedia kemudahan

“Kumpulan Emkay akan terus

menyediakan produk dan kemudahan tambah nilai bagi menambah baik kualiti kehidupan penduduk Cyberjaya,” katanya.

Autoville dibangunkan di kawasan seluas 4.12 hektar di barat Cyberjaya.

Ia terletak di kawasan strategik dengan laluan masuk dan keluar ke Cyberjaya menerusi Lingkaran Putrajaya dan diakses melalui Persiaran Multimedia.

Ia dihubungkan lebuh raya utama seperti Lingkaran Putrajaya, Lebuh Raya MEX dan Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP).

Sementara itu, Tick Lee berkata, unit yang dikekalkan pemilikan oleh Kumpulan Emkay akan dimanfaatkan bagi tujuan kebajikan.

Katanya, sewa daripada unit terbabit akan disalurkan kepada tiga yayasan dibiayai Pengasas Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal iaitu Yayasan EMKAY, Yayasan Pulau Bidong dan Yayasan Pulau Orang Utan Bukit Merah.

Headline	Operasi Autoville suku pertama 2016
MediaTitle	Berita Harian
Date	04 Dec 2015
Section	Ekonomi
Page No	B5
Language	Malay
Journalist	Suffian A Bakar
Frequency	Daily



“
Kumpulan Emkay akan
terus **menyediakan
produk dan
kemudahan tambah
nilai** bagi menambah
baik kualiti kehidupan
penduduk Cyberjaya”

Mazrita Mazlan,
Ketua Pegawai Operasi
Kumpulan Emkay